

## BAB 3

### PERKEMBANGAN PENDIDIKAN TAMIL DI SELANGOR

Perkembangan pendidikan Tamil di negeri Selangor adalah sejajar dengan pertambahan penduduk India keturunan Tamil di negeri tersebut sejak akhir kurun kesembilan belas. Sebagaimana juga dengan perkembangan umum di NNMB, negeri ini juga tidak ketinggalan dengan pendidikan informal yang berupa langkah pertama ke arah permulaan pendidikan Tamil di Selangor. Ini kemudian disusuli pula dengan permintaan oleh masyarakat keturunan Tamil untuk memulakan pendidikan secara formal bagi anak-anak mereka.

Maksud *Thinnai Palli* sudah pun diberi penjelasan dalam bab kedua. Secara amnya sekolah ini dibuka secara tidak rasmi bagi kepentingan pendidikan kanak-kanak setempat. Pada tahap awal, di samping terdapat Sekolah Tamil Kerajaan dalam bilangan yang begitu kecil sekali, terdapat juga sekolah jenis *Thinnai Palli* di Selangor. Seorang keturunan Tamil yang bernama Encik Doraisamy Pillai telah menjalankan sekolah Tamil jenis ini di rumahnya dengan 30 orang pelajar pada tahun 1903.<sup>1</sup> Perjalanan sekolah ini turut mendapat perhatian pihak British bila British merancang untuk membuka sekolah Vernakular Tamil di Kuala Lumpur dan Klang, malah pihak British merancang untuk membuka sekolah Tamil tersebut di hadapan rumah Encik Doraisamy Pillai, iaitu di tempat pembuangan sampah berhampiran dengan balai bomba. Pemilihan tempat tersebut dengan sendirinya membawa konotasi yang negatif.

Di Klang pula terdapat 40 orang berketurunan Tamil yang berniat menghantar anak-anak mereka ke sekolah kerajaan. Tempat yang dicadangkan paling sesuai di Klang

pula ialah di belakang pejabat pos ataupun di kawasan bertentangan dengan rumah rehat di tanah milik kerajaan.

Dalam pada itu, terdapat pula sahutan daripada pejabat pelajaran untuk berhati-hati dalam pembinaan sekolah-sekolah baru. Dicadangkan supaya membina sekolah-sekolah baru di bangunan rumah sewa *on temporary shanty*. Apabila kewujudannya dapat dikekalkan, barulah sebuah bangunan yang tetap dibina. Pihak British sendiri mengakui bahawa bukan dasar kerajaan untuk memberi pendidikan bahasa lain selain daripada pendidikan vernakular Melayu, tetapi kemasukan imigren yang kian meningkat dari India Selatan menyebabkan pendidikan Tamil diberi pengecualian. Pada tahun 1902, terdapat lima buah sekolah yang mengajar bahasa Tamil dengan seramai 240 pelajar lelaki dan 62 orang pelajar perempuan, bersama-sama dengan 35 orang pelajar lelaki Tamil di sekolah Tamil yang dibiayai oleh Encik Doraisamy Pillai.

Namun demikian, cadangan untuk membina sekolah Tamil seperti yang terdapat dalam anggaran tahun 1904, sebanyak \$6000 telah dibatalkan sehingga terdapat peningkatan dalam enrolmen.<sup>2</sup> Keputusan ini merupakan satu tampanan hebat bagi perkembangan pendidikan Tamil di Selangor amnya. Sebagai jalan penyelesaian, kerajaan telah menyewa penginapan sementara di Kuala Lumpur dan Klang buat sementara waktu.

### **Perkembangan Sekolah-sekolah Tamil di Selangor**

Negeri Selangor yang terdiri daripada enam buah daerah di zaman pemerintahan British, telah mempunyai sebilangan sekolah Tamil termasuk juga beberapa sekolah India yang berlainan bahasa pengantar. Terdapat sekolah-sekolah Tamil kerajaan walaupun

bilangannya amat terhad, sekolah ladang, sekolah mubaligh dan sekolah komiti. Taburan sekolah-sekolah Tamil tersebut adalah tidak sekata kerana ditubuhkan mengikut kepadatan penduduk Tamil serta ladang di daerah-daerah tersebut.

**Jadual 4: Sekolah-sekolah Tamil dan Pelajar di Selangor**

	Tahun 1922	Tahun 1923	Tahun 1924
<b>BIL. SEKOLAH KERAJAAN</b>	1	1	1
Purata Enrolmen	71	78	82
Purata Kehadiran	65	70	61
Peratus Kehadiran	92	89.7	75
<b>BIL. SEKOLAH BANTUAN KERAJAAN</b>	92	109	134
Purata Enrolmen	3184	3769	4682
Purata Kehadiran	2600	3077	3888
Peratus Kehadiran	82	82	82

Sumber: Sel. Sec. B.R.O. 1924, Vol. 1, 951/24, Taj: Annual Report, Education

Department of Selangor, 1923.

Sel. Sec. B.R.O. 1925, Vol. 1, 873/25, Taj: Annual Report, Education

Department of Selangor, 1924.

Jadual di atas menunjukkan, pada tahun 1920-an masih terdapat hanya sebuah sahaja sekolah Tamil kerajaan. Ini merupakan satu tanggungan yang amat ringan sekali bagi pihak kerajaan berbanding dengan bilangan sekolah-sekolah bukan kerajaan yang semakin meningkat tahun demi tahun. Misalnya, bilangan sekolah Tamil yang mendapat bantuan kerajaan pada tahun 1922 ialah sebanyak 92 buah dan bilangan tersebut telah meningkat dengan mendadak pada tahun 1924 menjadi 134 buah sekolah Tamil bantuan kerajaan di Selangor.

Secara tidak langsung pertambahan tersebut membuktikan bahawa keadaan ekonomi negeri Selangor pada masa itu agak baik dengan pembukaan lebih banyak ladang-ladang terutamanya ladang getah. Maka tanggungjawab pembukaan sekolah-sekolah Tamil telah disalurkan kepada pihak swasta iaitu pihak pengurusan ladang. Pertambahan sekolah turut menyaksikan pertambahan bilangan pelajar seperti yang tertera di dalam jadual di atas.

Taburan sekolah-sekolah ladang di Selangor mengikut daerah dapat dilihat melalui jadual di bawah:

**Jadual 5: Statistik Sekolah Vernakular India di Ladang-Ladang Selangor**

TAHUN	1931		1932		
	DAERAH	Bil. sekolah bantuan kerajaan	Sek. yang tidak dibantu oleh kerajaan	Bil. sekolah bantuan kerajaan	Sek. yang tidak dibantu oleh kerajaan
Kuala Lumpur	c a 17		7	d 11	f 14
Ulu Langat	a 15		6	4	g 4
Ulu Selangor	b 8		8	e 8	10
Klang	a 31		3	22	—
Kuala Selangor & Sabak Bernam	a 45		3	33	—
Kuala Langat	17		—	13	1
JUMLAH	133		27	91	29

**Petunjuk Jadual:**

- a : di beberapa buah sekolah ini diajar bahasa Telugu  
 b : termasuk sebuah sekolah swasta

- c : termasuk 3 buah sekolah kerajaan dan 5 buah sekolah swasta
- d : termasuk 2 buah sekolah kerajaan dan 2 buah sekolah swasta
- e : termasuk sebuah sekolah swasta
- f : termasuk 9 buah sekolah swasta
- g : termasuk 2 buah sekolah swasta

Sumber: Federated Malay States, Report on the Working of the Labour Department for the Year 1931, hal. 66.  
Annual Report of the Labour Department, Malaya, 1933, hal. 62.

Berdasarkan kepada jadual di atas, jelas bahawa sekolah-sekolah India ini menjalankan pengajaran dalam tiga jenis bahasa India iaitu Tamil, Telugu dan Malayalam. Walau bagaimanapun, majoriti daripada sekolah-sekolah tersebut mengajar dalam bahasa Tamil. Ada di antara sekolah-sekolah Tamil ini yang mengajar dalam bahasa Telugu selain daripada bahasa Tamil dan sekolah-sekolah yang sedemikian terletak di ladang-ladang sahaja.

Daerah yang paling banyak terdapat sekolah-sekolah Tamil walaupun di zaman kemelesetan ialah di Kuala Selangor dan Sabak Bernam, diikuti pula dengan daerah-daerah lain seperti Klang dan Kuala Lumpur. Ini menunjukkan terdapat dengan ramainya masyarakat Tamil di daerah-daerah tersebut.

Pada tahun 1931, terdapat sebanyak 160 buah sekolah Tamil yang terdiri daripada sekolah-sekolah ladang, sekolah swasta dan sekolah kerajaan di Selangor. Di antara sekolah-sekolah ini, sebanyak 130 buah sekolah mendapat bantuan kerajaan yang dikenali sebagai *grant-in- aid* dan hanya 27 buah sekolah sahaja yang tidak mendapat bantuan kerajaan mungkin kerana tidak menepati syarat-syarat kelayakan yang ditentukan oleh kerajaan.

Pada tahun berikutnya, jumlah sekolah-sekolah India di Selangor telah berkurangan menjadi hanya 120 buah sahaja. Sekolah-sekolah India yang mendapat bantuan kerajaan hanya 91 buah sahaja berbanding dengan 133 buah pada tahun sebelumnya. Namun terdapat pertambahan sebanyak dua buah sekolah yang tidak mendapat bantuan kerajaan. Pengurangan yang drastik ini adalah akibat daripada kemelesetan ekonomi yang melanda seluruh dunia pada awal tahun 1930-an, yang membawa kepada penutupan sekolah-sekolah kecil kerana kurang ekonomik dan kekurangan pelajar di ladang-ladang. Terdapat juga sekolah-sekolah yang ditutup itu dibuka kembali apabila keadaan ekonomi telah pulih kembali.

Seterusnya akan dibincangkan tentang beberapa buah sekolah Tamil mengikut empat kategori yang umum iaitu sekolah kerajaan, sekolah mubaligh, sekolah komiti dan sekolah ladang. Contoh daripada setiap jenis sekolah adalah memadai untuk mendapat satu gambaran mengenai keempat-empat jenis sekolah Tamil di negeri Selangor sebelum merdeka.

### **Sekolah Tamil Kuala Lumpur**

Sekolah Tamil Kuala Lumpur adalah sekolah Tamil kerajaan yang pertama di Selangor dan telah dibuka pada akhir tahun 1886. Pembukaan sekolah ini telah dicadangkan pada tahun 1885 oleh H. Conway Belfield iaitu Nazir Sekolah-sekolah Selangor pada masa itu, atas permintaan penduduk imigren India yang pernah tinggal di Kuala Lumpur di antara satu dengan tiga belas tahun.<sup>3</sup> Buruh-buruh imigren ini kebiasaannya bekerja sebagai *bricklayer*, kuli, kerani, pemandu kereta lembu, pekedai, tukang emas, pembuat batu-bata dan *market collector*. Sekolah tersebut telah dirasmikan

oleh Residen Selangor . Bangunan sekolah ini pada asalnya telah dibina untuk digunakan sebagai sekolah Cina tetapi kemudiaannya telah diberi tanggungjawab kepada guru Tamil untuk menguruskan 20 orang pelajar Tamil itu.

Di samping menjalankan pengajaran dalam bahasa ibunda, pelajar-pelajar lelaki itu juga diajar Bahasa Inggeris dan situasi sememangnya sangat menggembirakan ibu bapa kerana anak-anak mereka dapat menguasai dua bahasa pada satu masa yang sama. Guru yang pertama mangajar di sekolah tersebut telah didatangkan dari Ceylon (Sri Lanka). Lawatan H. Conway pada tahun 1887 ke sekolah tersebut melaporkan bahawa para pelajar di sekolah Tamil Kuala Lumpur nampak ceria dan berkelakuan baik.

**Jadual 6: Enrolmen Sekolah Tamil Kuala Lumpur Tahun 1887**

BULAN	ENROLMEN
Januari	21
Februari	22
Mac	22
April	25
Mei	25
Jun	25
Julai	25
Ogos	27
September	25
Oktober	26
November	26
Disember	25

Sumber: Sel. Sec. B.R.O. 1888, Ed. 341/88, Taj: Education Report for 1887.

Jadual di atas menunjukkan bilangan pelajar sekolah ini tidak kurang daripada 21 orang pada tahun 1887. Mulai tahun 1888, gurunya ialah En. Nataraj Chitty. Bilangan pelajar pada tahun 1889 ialah 23 orang dengan purata kedatangan 14 orang manakala bilangan pelajar tahun 1890 ialah 13 orang dengan purata kedatangan 7 orang<sup>4</sup>. Oleh

kerana enrolmen dan purata kedatangan semakin merosot, maka sekolah ini telah digabungkan dengan Sekolah Inggeris Kuala Lumpur pada bulan Ogos 1890. Walaupun jangka hayat sekolah ini adalah lebih kurang lima tahun, namun ianya telah meninggalkan identiti kepada komuniti Tamil sebagai Sekolah Tamil kerajaan yang pertama di Selangor.

### **Sekolah Tamil Vivekananda**

Sekolah Tamil Vivekananda ialah sebuah sekolah mubaligh yang ditubuhkan atas daya usaha Jawatankuasa Vivekananda Ashrama pada 22 Ogos 1914.<sup>5</sup> Jawatankuasa awal itu terdiri daripada seorang pengurus dan empat orang ahli keturunan Tamil. Jawatankuasa tersebut telah mengendalikan sekolah ini sehingga 29 Disember 1920 bila pengurusnya ditukar kepada Swami Brahmananda iaitu Presiden Sri Ramakrishna Math, Belur, India,<sup>6</sup> yang sekaligus menandakan bahawa Sekolah Tamil Vivekananda beroperasi di bawah naungan badan reformasi tersebut. Oleh kerana pengurusan sekolah ini amat memuaskan, maka pada tahun 1915, pihak kerajaan telah memberi peruntukan kewangan Gred Pertama kepada sekolah ini.

Pada tahun pertama penubuhannya, sekolah ini mempunyai seramai 21 orang pelajar dan pada tahun 1916, angkanya telah mencapai 87 orang. Tetapi mulai tahun 1917 hingga 1920, sekolah ini telah mempunyai bilangan pelajar yang tidak tetap kerana kebanyakan ibu bapa belum sedar akan kepentingan pendidikan bagi anak-anak mereka. Sebab yang keduanya ialah perpindahan yang kerap oleh ibu bapa ke kawasan-kawasan atau negeri-negeri lain. Selain daripada itu, keadaan ibu bapa yang tidak tinggal menetap

di sesuatu tempat di mana ramai pelajar pada masa itu termasuk dalam kategori keluarga sedemikian.

Pada 20 Julai 1917, sekolah ini telah mendapat sebidang tanah seluas lebih dari satu ekar berhampiran dengan Ashrama untuk tujuan membina sebuah bangunan sekolah. Tanah tersebut telah diperolehi atas perminataan oleh seorang yang bekerja di sektor kerajaan yang bernama R. Fonseca. Walaupun bukan keturunan Tamil, Fonseca sempat menjadi Pengurus sekolah ini buat seketika. Pendapatan sekolah ini adalah hasil daripada yuran bulanan pelajar, derma, *subscription* atau langganan, geran kerajaan, penjualan kalender badan *Ramakrishna Mission* serta tabung sekolah.

Batu asas bangunan baru telah diletakkan oleh Swami Abhedananda pada 8 Oktober 1921 dengan anggaran perbelanjaan \$6000. Sehingga 31 Disember 1921, derma yang dikutip bagi pembinaan bangunan sekolah ini adalah sebanyak \$1,199.14 daripada 155 orang.<sup>7</sup> Atas kerjasama orang ramai, sekolah ini dapat siap dibina juga akhirnya.

Di sekolah ini diajar Bahasa Inggeris sebagai persediaan jikalau ada pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran ke sekolah Inggeris. Tetapi tindakan mengajar Bahasa Inggeris ini telah membawa pihak sekolah kepada satu masalah yang besar. Timbul cadangan menjadikan Sekolah Tamil Vivekananda sebuah sekolah beraliran Inggeris. Cadangan ini tidak direstui oleh masyarakat Tamil. Masalah juga mula timbul kerana pentadbiran sekolah telah diberikan kepada seorang individu yang bernama Swami Brahmananda selaku Presiden Ramakrishna Math, Belur, India pada 29 Disember 1920.<sup>8</sup> Tujuan jawatankuasa pengurusan berbuat demikian ialah supaya aktiviti-aktiviti Ashrama dapat dijalankan berdasarkan peraturan-peraturan *Ramakrishna Mission*. Sebelum daripada beliau, tugas penyeliaan diamanahkan kepada seorang kerani pejabat Lembaga

Kebersihan (Sanitary Board) yang bernama Encik W. Ponnudurai dan tanggungjawab itu diberikan pada awal tahun 1919.<sup>9</sup> Oleh kerana Encik Ponnudurai bercuti panjang beliau telah memberikan tanggungjawab penyeliaan kepada Swami Videhananda, seorang *sanyasin* (monk). Ini hanya satu langkah sementara sahaja. Swami Videhananda pula seorang Bengalee yang tiada pengetahuan Bahasa Tamil.

Permohonan untuk menjadikan Sekolah Tamil Vivekananda sebagai sekolah beraliran Inggeris telah dikemukakan oleh Swami Videhananda, yang telah mengambil-alih tugas pengurusan selama tiga tahun enam bulan. Dalam mengajukan cadangan ini, beliau mencadangkan supaya Bahasa Tamil dijadikan bahasa kedua yang wajib dipelajari oleh semua pelajar sekolah tersebut.

Swami Videhananda kemudiannya telah mengambil tindakan yang agak keterlaluan iaitu mengiklankan jawatan bagi guru-guru berkelulusan Bahasa Inggeris. Beliau seterusnya memberikan notis kepada guru-guru berkelulusan Tamil serta memberitahu kepada ibu bapa yang mempunyai anak perempuan supaya mengeluarkan mereka dari sekolah tersebut mulai 17 Januari 1923. Seterusnya juga yuran sekolah telah dinaikkan dari \$1.00 kepada \$1.50. Kemungkinan besar yuran dinaikkan supaya pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan berhenti sekolah. Dengan itu pelajar-pelajar Tamil yang ingin melanjutkan pelajaran dalam Bahasa Tamil terpaksa belajar di sebuah pondok berhampiran dengan sekolah tersebut.

Tegasnya Sekolah Tamil Vivekananda merupakan satu-satunya institusi bagi masyarakat yang tinggal di kawasan-kawasan berhampiran seperti Brickfields Road, Scott Road, Scott Lane, Kandang Kerbau Road, Bungsar Road, Damansara-Brickfields

Road, New Petaling Road, Chan Ah Tong Street, Rozario Street dan sebagainya di mana terdapat ramai penduduk keturunan Tamil.

Dalam keadaan ini alasan yang diberikan oleh Swami Videhananda untuk menukar Sekolah Tamil kepada Sekolah Inggeris adalah disebabkan sekolah-sekolah Inggeris yang berhampiran seperti *Pudu English School*, *St. Mary's Anglo Vernacular School*, *Victoria Institution* dan sebagainya telah penuh. Walau bagaimanapun sekolah ini telah tetap menjadi sekolah aliran Tamil.

Selepas daripada masalah ini, telah diadakan garis panduan pemilihan ahli jawatankuasa yang terdiri daripada 11 orang ahli termasuk Penyelia, Setiausaha, Bendahari, Pustakawan dan Pengurus Sekolah. Sebagai syarat, senarai jawatankuasa yang dipilih hendaklah dihantar kepada Ramakrishna Mission, Belur Math, India untuk diluluskan.

Semasa meletusnya Perang Dunia Kedua, sekolah ini telah ditutup pada akhir tahun 1941 dan dibuka kembali pada tahun 1945 dengan sukanan yang sama seperti sebelum perang iaitu berdasarkan Education Code Part VII. Kutipan yuran kekal dengan \$1.50. Bantuan kewangan kerajaan diberikan seperti biasa. Waktu persekolahan selepas perang adalah dari pukul 8 pagi hingga 12 tengah hari.

Oleh kerana reputasi dan pengendalian yang baik, maka sekolah ini menampakkan pertambahan pelajar dari satu tahun ke tahun berikutnya dalam bilangan yang agak tinggi. Pelajar yang pada tahun 1945 seramai 219 orang telah bertambah kepada hampir dua kali ganda dalam lima tahun berikutnya seperti mana bilangan tahun 1950 seramai 377 orang. Sekolah ini juga beroperasi dari Darjah I hingga Darjah VII.

**Jadual 7 : Bilangan Pelajar dan Guru Sekolah Tamil Vivekananda**

TAHUN	BIL. PELAJAR	BIL. GURU
1945	219	8
1946	241	10
1947	279	9
1948	290	9
1949	364	10
1950	377	10

Sumber: Jabatan Pelajaran Selangor (Sekolah Melayu, Cina, Inggeris, Tamil) 1945-1953, K.L.3. Taj: Vivekananda Tamil School.

Guru-guru sekolah ini sebelum merdeka, terdiri daripada berbagai-bagai kelulusan. Ada guru yang berkelulusan dari Ceylon, ada yang lulus Normal Training Certificate, ada di antara mereka yang lulus Junior Cambridge Certificate dan ada di kalangan guru-guru ini yang lulus Senior Cambridge Certificate.<sup>10</sup> Sekolah ini juga lebih maju daripada sekolah-sekolah lain dari segi persembahan sukan, aktiviti ko-kurikulum seperti badan-badan Pandu Puteri, Pengakap dan *Wolf Cubs*. Sekolah ini juga pernah dilawati oleh Pengarah Pelajaran, H.R. Cheeseman. Dengan itu sekolah ini bolehlah disamataraskan dengan sekolah-sekolah yang baik kerana kanak-kanak sekolah ini kebanyakannya datang daripada keluarga yang berpendidikan.

**Saraswathi Tamil School, Sungai Buloh**

Sekolah ini adalah sekolah yang dikendalikan oleh jawatankuasa khas ataupun dikenali sebagai sekolah komiti. Sekolah ini pada mulanya terletak lebih kurang 200 kaki

dari Stesyen Keretapi Sungai Buloh yang bertempat di kawasan bukit berhampiran dengan sebuah ladang. Jenis bangunannya adalah bangunan sementara dengan berbumbungkan atap. Keluasannya ialah 18' x 30' bersamaan dengan 540 kaki persegi.

Menjelang Ogos 1948, sekolah ini beroperasi di bangunan baru dengan 22 orang pelajar lelaki dan perempuan.<sup>11</sup> Guru pada masa itu ialah Encik Graham. Beliau digantikan dengan Encik Rajamanickam yang datang dari Madras dengan pengalaman mengajar selama 20 tahun. Pada masa itu terdapat Darjah I hingga Darjah VI. Bangunan baru itu telah dibina atas hasil usaha masyarakat India setempat dan gaji guru dibayar dengan mengutip sebanyak \$2.00 setiap orang pelajar. Sekolah ini hanya diluluskan untuk menerima bantuan kewangan mulai 1 Januari 1950.

Menjelang bulan Mei 1952, pelajar sekolah ini telah berkurangan kepada 16 orang; 5 dari Jabatan Kerja Raya dan 11 dari Jabatan Anti-Malaria. Sejajar dengan penurunan dalam enrolmen, bangunan sekolah juga telah bertambah buruk kerana tidak cukup wang untuk kerja-kerja pembaik-pulihan.

Menjelang tahun 1950-an bila kebanyakan sekolah sudah ada kemudahan elektrik dan siaran radio pendidikan, sekolah ini tiada kemudahan tersebut menunjukkan sekolah ini sudah ketinggalan. Perjalanan sekolah juga terganggu kerana kedapatan kandang-kandang lembu berhampiran dengan bangunan sekolah yang menghindari pengajaran-pembelajaran.

Pada tahun 1952, enrolmen sekolah ini hanya 12 orang sahaja, satu keadaan yang amat mendukacitakan. Dalam hal ini, K.D. Duke (Penyelia Sekolah-sekolah) telah mempersalahkan guru yang berkenaan, Encik Rasiah yang datang mengajar jauh dari Kuala Lumpur ke Sungai Buloh. Beliau menaiki bas dan sampai ke sekolah pada pukul

sembilan pagi dan menutup sekolah pada pukul sebelas pagi, menandakan pengajaran-pembelajaran tidak berjalan lancar seperti yang diaspirasikan oleh pihak kerajaan.

Enrolmen yang sangat mendukacitakan membawa masalah pemberhentian bantuan kewangan kepada sekolah ini. Untuk mengatasi masalah ini, Penyelia Sekolah-sekolah Tamil telah mencadangkan Sekolah Tamil Saraswathi ini digabungkan dengan Sekolah Tamil Ladang Buyong. Enrolmen tahun 1954 hanya 14 orang sahaja, iaitu 5 orang dalam Darjah I, 2 orang dari Darjah II, 3 orang dari Darjah III, seorang dari Darjah IV dan 4 orang dari Darjah V.

Oleh kerana tiada perubahan dalam peningkatan pelajar mahupun pengurusan oleh komiti, maka pada Disember tahun 1955, sekolah tersebut telah diletakkan di bawah penjagaan MIC (Malayan Indian Congress) cawangan Sungai Buloh. Di bawah pengurusan baru, sekolah ini telah beralih tempat ke mukim Batu dalam tanah kerajaan untuk tujuan diperbesarkan dan digabungkan dengan sekolah-sekolah lain. Kini sekolah tersebut bertempat di Batu 12½, Sungai Buloh. Sekolah yang digabungkan dengan Sekolah Tamil Saraswathi ialah Sekolah Tamil Ladang Buyong dan Sekolah Tamil Chin Leong. Dengan itu, rekod tahun 1961, menunjukkan enrolmen sekolah ini seramai 114 orang pelajar.

### **Batang Kali Estate Tamil School, Batang Kali**

Sekolah ini adalah sebuah sekolah ladang yang terletak di bawah pengurusan *The Anglo-Malay Rubber Company Ltd.* Selepas Perang Dunia Kedua, sekolah ini dibuka kembali dengan gurunya Encik Nadarajah yang berkelulusan Darjah V.<sup>12</sup> Namun beliau diarahkan lulus Darjah VI pada tahun 1947, untuk mengekalkan jawatannya.

Beliau kemudiannya telah digantikan dengan Encik Palanisamy yang berkelulusan Darjah VII. Waktu persekolahan sekolah ini ialah mulai pukul 1.30 petang hingga 5.30 petang yang merupakan satu kemudahan bagi kanak-kanak yang bekerja di ladang pada sebelah pagi.

Pada bulan April tahun 1949, enrolmen sekolah hanya 16 orang pelajar yang sememangnya tidak mencukupi untuk mendapatkan bantuan kewangan. Menjelang bulan September tahun 1950, baru enrolmen mencapai 25 orang. Bangunan sekolah ini adalah berbentuk sementara dengan berdindingkan papan dan berlantai simen. Luas bangunan sekolah ini ialah 600 kaki persegi. Terdapat taman permainan dan tanah untuk berkebun.

Tenaga buruh Ladang Batang Kali hampir 75% adalah keturunan Telugu. Oleh yang demikian ibu bapa keturunan Telugu meminta guru yang boleh mengajar dalam Bahasa Telugu sebagai salah satu cara untuk mengekalkan budaya dan bahasa mereka. Tuntutan mereka tidak berjaya.

Berdasarkan kepada jadual waktu Sekolah Tamil Ladang Batang Kali, tahun 1947, seperti di halaman sebelah, dapat dirumuskan bahawa sekolah ini telah dijalankan oleh seorang guru. Waktu perjalanan sekolah ini adalah selama empat jam. Subjek-subjek yang boleh digabungkan, telah digabungkan di antara darjah-darjah tersebut untuk memudahkan pengajaran dan pembelajaran.

Jadi kita dapat melihat bahawa subjek-subjek seperti perkebunan dan *drill* telah dijalankan dengan menggabungkan semua pelajar sekolah tersebut. Subjek-subjek utama sekolah ini, sebagaimana juga sekolah-sekolah Tamil yang lain ialah seperti Matematik, Geografi, Bacaan, Penulisan, Bercerita dan Ilmu Kesihatan.

JADUAL 8: JADUAL WAKTU SEKOLAH TAMIL BATANG KALI TAHUN 1947

DAY	TIME	STD. I	STD. II	STD. III	STD. IV	STD. V
	HOURS	SUBJECT	SUBJECT	SUBJECT	SUBJECT	SUBJECT
M	1.30-2.10	Reading	Arithmetic	Reading	Arithmetic	Reading
O	2.10-2.50	Numbers	Reading	Arithmetic	Reading	Arithmetic
N	2.50-3.20	Dictation	Dictation	Composition	Geography	Copy writing
	3.30-4.00	Drill	Drill	Drill	Drill	Drill
	4.00-4.30	Story telling	Silent reading	Story telling	Silent reading	Geography
	4.30-5.00	Hygiene	Conversation	Writing	Hygiene	Hygiene
	5.00-5.30	Garden	Garden	Garden	Garden	Garden
T	1.30-2.10	Mental Arithmetic	Reading	Arithmetic	Reading	Arithmetic
U	2.10-2.50	Reading	Arithmetic	Reading	Arithmetic	Reading
E	2.50-3.20	Writing	Copy writing	Dictation	Dictation	Dictation
S	3.30-4.00	Drill	Drill	Drill	Drill	Drill
	4.00-4.30	Conversation	Story telling	Geography	Copy writing	Geography
	4.30-5.00	Dictation	Dictation	Silent reading	Composition	Composition
	5.00-5.30	Conversation	Story telling	Geography	Copy writing	Geography
W	1.30-2.10	Reading	Arithmetic	Recitation	Arithmetic	Recitation
E	2.10-2.50	Arithmetic	Reading	Arithmetic	Recitation	Arithmetic
D	2.50-3.20	Writing	Recitation	Reading	Hygiene	Hygiene
	3.30-4.00	Dictation	Dictation	Copy writing	Composition	Composition
	4.00-4.30	Writing	Hand work	Hand work	Story telling	Story telling
	4.30-5.00	Hygiene	Copy writing	Dictation	Dictation	Dictation
	5.00-5.30	Garden	Garden	Garden	Garden	Garden
T	1.30-2.10	Reading	Arithmetic	Reading	Reading	Arithmetic
H	2.10-2.50	Arithmetic	Reading	Arithmetic	Arithmetic	Reading
U	2.50-3.20	Silent reading	Conversation	Dictation	Dictation	Dictation
R	3.30-4.00	Drill	Drill	Drill	Drill	Drill
S	4.00-4.30	Hand work	Hygiene	Hygiene	Geography	Hygiene
	4.30-5.00	Hygiene	Composition	Conversation	Hygiene	Copy writing
	5.00-5.30	Conversation	Story telling	Story telling	Copy writing	Geography
F	1.30-2.10	Arithmetic	Reading	Arithmetic	Reading	Arithmetic
R	2.10-2.50	Reading	Arithmetic	Reading	Arithmetic	Reading
I	2.50-3.20	Story telling	Geography	Composition	Geography	Geography
	3.30-4.00	Dictation	Dictation	Hygiene	Composition	Composition
	4.00-4.30	Drill	Drill	Drill	Drill	Drill
	4.30-5.00	Talks by teacher.	teacher.	Talks by	by	teacher.

Sumber: Jabatan Pelajaran Selangor (Sekolah Melayu, Cina, Inggeris, Tamil)  
1945-1953, U.Sel.13,Taj: Batang Kali Estate Tamil School, Batang Kali.

Pada tahun 1958, pengurusan kedua-dua ladang iaitu Ladang Batang Kali dan Ladang Kuala Kubu bercadang untuk menggabungkan kedua-dua buah sekolah untuk mengurangkan perbelanjaan pengurusan sekolah. Pada masa ini terdapat 60 orang pelajar dengan dua orang guru di Ladang Batang Kali dan 35 orang pelajar di Ladang Kuala Kubu. Oleh kerana bilangan yang besar apabila digabungkan, maka pihak pengurusan sedia membina bangunan yang lebih besar di Ladang Batang Kali.

Bangunan baru telah dibina dengan anggaran kos \$3000. Dianggap bahawa pemusatan kedua-dua buah sekolah akan membawa keseragaman pengajaran-pembelajaran serta kanak-kanak kedua-dua buah sekolah dapat menggunakan segala kemudahan yang ada. Bangunan baru yang telah dibina ialah 1704 kaki persegi luasnya.

Kesudahannya, tuntutan ibu bapa sekolah ini untuk mengadakan pengajaran dalam Bahasa Telugu tidak pernah berjaya kerana dasar kerajaan. Ordinan Pelajaran 1957 menyatakan sekolah kebangsaan mengajar dalam bahasa pengantar Bahasa Kebangsaan dan di sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan bahasa pengantar adalah samada Bahasa Inggeris, Cina atau Tamil. Dasar kerajaan ini tidak memberi peruntukan pengajaran dalam bahasa Telugu.

### Rumusan

Seperti juga di negeri-negeri lain di Tanah Melayu, pendidikan Tamil di Selangor telah bermula dengan pengajaran oleh individu-individu yang celik huruf. Pengajaran dijalankan secara informal. Namun atas desakan beberapa pihak, maka kerajaan kolonial telah memulakan sekolah-sekolah Tamil di akhir kurun kesembilan belas dan awal kurun kedua puluh. Pengurusan dan pentadbiran tidaklah berapa efisyen seperti di sekolah-

sekolah aliran Inggeris. Ini menyebabkan kehadiran pelajar tidak memuaskan dan sekolah-sekolah Tamil di Selangor seringkali ditutup akibat kekurangan enrolmen.

Perkembangan yang lain pula menyaksikan pembukaan lebih banyak sekolah-sekolah India khususnya sekolah-sekolah Tamil ladang setelah termaktubnya Kod Buruh 1923. Perlu diambil perhatian bahawa kebanyakannya kawasan di Selangor pada masa itu dipenuhi dengan ladang-ladang terutamanya ladang getah. Setiap daerah termasuk Kuala Lumpur dan Klang terdiri daripada ladang-ladang dan disediakan sekolah-sekolah Tamil oleh pihak majikan.

Di negeri Selangor, sekolah-sekolah Tamil yang beroperasi secara sistematis ialah sekolah kerajaan dan sekolah mubaligh yang terletak di kawasan bandar. Sekolah-sekolah jenis ini sentiasa menampakkan pertambahan bilangan pelajar dan wujud persaingan di kalangan guru-guru untuk mengajar di sekolah-sekolah yang sedemikian. Sebaliknya sekolah-sekolah ladang di Selangor dan sekolah-sekolah jawatankuasa, sebagaimana juga dengan sekolah-sekolah ladang di negeri-negeri lain, tidak begitu efisyen sistem pengurusannya, walaupun terdapat juga Pengurus yang amat prihatin terhadap pendidikan anak-anak pekerjanya.

Walaupun tidak berapa efisyen, sekolah-sekolah jenis ini terus wujud sebagai tempat kanak-kanak India, khususnya kanak-kanak Tamil mendapat pendidikan, biasanya dalam keadaan yang serba kekurangan dari segi mutu pengajaran dan kesesuaian bangunan. Keadaan sekolah-sekolah Tamil di Selangor tidak berubah keadaan yang serba kekurangan sehingga merdeka.

## **Nota Hujung:**

<sup>1</sup> Sel. Sec. B.R.O. 1903, 3494/1903, Taj: Tamil Vernacular Education.

<sup>2</sup> Ibid.

<sup>3</sup> Sel. Sec. B.R.O. 1887, Ed. 343/87, Taj: Annual Report, Education Department 1886.

<sup>4</sup> Annual Report of the State of Selangor for the Year 1890, by W.E. Maxwell, British Resident, Selangor, hal. appendiks J.

<sup>5</sup> The Vivekananda Tamil School Kuala Lumpur Prospectus and Report for 1921, hal. 1.

<sup>6</sup> Vivekananda Ashrama ialah satu pertubuhan agama yang telah dimulakan pada tahun 1904 dan didaftar pada November tahun tersebut, di bawah akta syarikat dengan tidak menggunakan perkataan “Limited”.

<sup>7</sup> The Vivekananda Tamil School Kuala Lumpur Prospectus and Report for 1921, hal. 19.

<sup>8</sup> Sel. Sec. B.R.O. 1923, Vol. I, 936/23, Taj: Vivekananda Tamil School Petition Against Conversions into an Elementary English School.

<sup>9</sup> Sel. Sec. B.R.O. 1924, Vol. I, 1333/24, Taj: Vivekananda Tamil School, Brickfields Road, K.L., Management of (Govt. in-aid to).

<sup>10</sup> Ibid.

<sup>11</sup> Jabatan Pelajaran Selangor (Sekolah Melayu, Cina, Inggeris, Tamil) 1945-1953, K.L.47, Taj: Saraswathy Tamil School, Sungai Buloh, Kuala Lumpur

<sup>12</sup> Jabatan Pelajaran Selangor (Sekolah Melayu, Cina, Inggeris, Tamil) 1945-1953, U. Sel. 13, Taj: Batang Kali Estate Tamil School.